

15/01/2004

Kanak-kanak bijak menulis sajak

Hassan Omar

PUIISI karya 46 kanak-kanak yang dimuatkan dalam antologi Demi Kemerdekaan membuktikan mereka menggunakan genre berkenaan sebagai mekanisme penyampaian rasa minda.

Pensyarah di Maktab Perguruan Tunku Bainun, Pulau Pinang, Nasurry Ibrahim, berkata lewat puisi berkenaan dapat disimpulkan mereka bersyukur dan merakam penghargaan kepada pejuang kemerdekaan sekali gus membicarakan pelbagai rasa serta minda.

"Luahan perasaan melalui puisi dalam Demi Kemerdekaan memperlihatkan kanak-kanak memahami struktur binaan puisi dan kesesuaian puisi dengan amanat yang ingin disampaikan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika memperkatakan Manisfestasi Seni Melayu Dalam Sastera Kanak-kanak di Malaysia pada program Kenduri Seni Melayu di Kacamatan Galang, Sembulang dekat kota Batam, Riau, Indonesia, baru-baru ini.

Kenduri Seni Melayu yang berlangsung selama lima hari bermula 19 Disember lalu menghimpunkan penggiat seni sastera dan budaya dari seluruh Kepulauan Riau, Malaysia dan Singapura.

Demi Kemerdekaan adalah antologi puisi dan esei hasil Peraduan Mengarang Puisi dan Esei Kemerdekaan sempena sambutan kemerdekaan negara ke-46 tahun lalu serta empat daripadanya menggunakan gaya syair manakala tujuh lagi gaya pantun.

Peraduan itu bertujuan membantu kanak-kanak bakal pewaris pemerintahan negara meluahkan perasaan kemerdekaan mereka secara terancang dan disertai 2,184 kanak-kanak berusia antara enam hingga 12 tahun.

Nassury melihat tindak balas emosi kanak-kanak terhadap seni jelas dalam semua puisi lewat Demi Kemerdekaan dan dapat dikesan mereka mempunyai simpati serta empati untuk turut mempertahankan kemerdekaan.

"Mereka melahirkan pelbagai rasa, seperti gembira berada dalam negara merdeka selain seni Melayu daripada persepsi kanak-kanak menyamai seni Melayu daripada persepsi orang dewasa kerana kanak-kanak adalah pewaris minda orang dewasa," katanya.

Salah seorang kanak-kanak yang karyanya dimuatkan dalam antologi berkenaan, Mohd Azuan Mohd, menggunakan gaya syair dalam sajaknya Malaysia Yang Tercinta untuk menyatakan kejayaan Malaysia:

Dengar tuan saya berperi
tersebutlah kisah sebuah negeri
Malaysia makmur nama diberi
para pemimpin bijak bistari.
Kuala Lumpur gilang-gemilang
Menara Berkembar berseri cemerlang
indahnyanya KLIA bukan kepalang
peralatan canggih tidak terbilang.

Elnia Noor Natasya Roslee melalui sajaknya Malaysia Tercinta menggunakan gaya pantun bagi menyatakan kepentingan perpaduan kaum:

Pergi memancing di Tanjung Muara
pancing toman di air keruh
berganding bahu membina negara
perpaduan kaum kian teguh.

Penulis kanak-kanak juga menggunakan puisi sebagai medan untuk melahirkan idea dan mencatatkan secara jujur rasa hati seperti kagum, gembira, bangga, syukur dan penghargaan terhadap Tun Dr Mahathir.

Tidak ketinggalan kanak-kanak juga tidak melahirkan rasa minda sewenang-wenangnya dan dapat dilihat kesedaran mereka terhadap konsep ruang, susunan dan imbangan seperti terpamer pada puisi Mohd Azuan.

Malaysia sudah kian dewasa
negara makmur aman sentiasa
mencipta nama negara perkasa
masyhur di dunia kebanggaan bangsa.